

SPM BUKAN PENAMAT, TAPI PERMULAAN

UJIAN SEBENAR DI MENARA GADING



Bersama
**Prof Madya
Dr Azlan Shaiful
Baharum**

etiap tahun, apabila keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan, kita menyaksikan pelbagai reaksi – ada yang bergembira dengan kejayaan cemerlang, tidak kurang juga berduka dengan keputusan tidak seperti diharapkan.

Tahniah bagi yang berjaya mengharungi ujian dan cabaran terutama generasi terkini yang sejak kecilnya tiada peperiksaan utama melainkan SPM.

Namun, di sebalik semua itu, satu hakikat yang sering dilupakan ialah SPM bukan penamat, bahkan ia hanya permulaan kepada ujian sebenar dalam menuntut ilmu, khususnya apabila melangkah ke menara gading.

Hakikatnya, kejayaan akademik di peringkat sekolah banyak dibentuk oleh sistem berorientasikan peperiksaan. Pelajar dilatih untuk mengikut teknik dan strategi menjawab soalan, menghafal fakta dan mencapai markah tinggi.

Namun, apabila melangkah ke alam universiti, bentuk cabaran berubah secara drastik bukan lagi sekadar menghafal, tetapi memahami, menganalisis, berfikir secara kritis dan mengurus kehidupan secara lebih matang.

Di sini ramai yang 'kecundang' walaupun pernah cemerlang dan memperoleh banyak A dalam SPM.

Dalam konteks Islam, menuntut ilmu bukan sekadar untuk lulus peperiksaan, tetapi adalah satu ibadah yang besar nilainya dan ganjaran pahalanya di sisi Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam **Surah al-Mujadalah ayat 11**: "Allah akan meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu beberapa darjat."

Ayat ini menunjukkan bahawa ilmu bukan sekadar alat kejayaan dunia, tetapi jalan menuju kemuliaan di sisi Allah.

Begitu juga dalam **Surah az-Zumar ayat 9**: "Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?"

Ayat ini menjadi asas bahawa ilmu membawa perbezaan besar dalam kehidupan manusia. Namun, ilmu yang dimaksudkan bukan sekadar

maklumat, tetapi kefahaman yang membawa kepada ketaatan dan perubahan diri ke arah insan yang bertakwa dan beramal soleh.

Rasulullah SAW juga bersabda: "Barang siapa menempuh satu jalan untuk mencari ilmu, Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga." (**Riwayat Muslim**)

Hadis ini menegaskan bahawa perjalanan menuntut ilmu adalah perjalanan spiritual yang memerlukan kesabaran, keikhlasan dan istiqamah.

Namun, persoalannya apakah ciri-ciri sebenar menuntut ilmu yang berjaya menurut perspektif Islam?

Pertama, keikhlasan niat. Penuntut ilmu yang sebenar tidak menjadikan ilmu sebagai alat untuk kemegahan atau kedudukan semata-mata, tetapi sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah.

Imam al-Ghazali menegaskan bahawa ilmu tanpa niat yang betul akan menjadi hujah ke atas diri sendiri di akhirat kelak. Sebab itu, ada dalam kalangan professional yang sanggup menyalahgunakan kuasa untuk penyelewengan dan terbahit gejala rasuah kerana inginkan kekayaan dan kememewahan sedangkan mereka orang yang hebat dari segi akademik dan berpangkat tinggi.

Kedua, adab dalam menuntut ilmu. Dalam tradisi ulama Islam, adab didahulukan sebelum ilmu.

Penuntut ilmu perlu menghormati guru, menjaga akhlak serta bersikap rendah diri. Tanpa adab, ilmu tidak akan memberi keberkatan.

Perlu diingat kejayaan yang diperoleh bukan sebab usaha kita semata-mata, tetapi kerana dorongan dan usaha daripada guru dan pendidik yang bertungkus-lumus. Keberkatan mereka amat besar ertinya dalam kejayaan anda.

Ketiga, kesungguhan dan istiqamah. Dunia universiti menuntut disiplin diri yang tinggi. Tiada lagi suasana dipaksa belajar seperti di sekolah.

Justeru, pelajar perlu membina kekuatan dalaman untuk terus berusaha walaupun tanpa pengawasan.

Keempat, kemampuan mengurus emosi dan tekanan. Ini adalah cabaran untuk terus berusaha walaupun dalam era media sosial, pelajar terdedah kepada perbandingan hidup, tekanan emosi dan gangguan fokus.

Ramai pelajar yang cemerlang di sekolah gagal di universiti bukan kerana kurang bijak,

tetapi kerana tidak mampu mengurus tekanan dan emosi.

Lebih teruk terbahit dengan jenayah membunuh dan jenayah siber.

Di sini pentingnya kembali kepada panduan al-Quran dan sunah.

Islam mengajar keseimbangan antara ilmu, jiwa dan kehidupan. Firman Allah dalam **Surah al-Baqarah ayat 286**: "Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya."

Ayat ini memberi ketenangan bahawa setiap ujian yang dihadapi adalah dalam kemampuan kita.

Selain itu, Rasulullah SAW mengajar doa: "Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat." (**Riwayat Ibn Majah**)

Ini menunjukkan bahawa bukan semua ilmu memberi manfaat. Ilmu yang sebenar ialah ilmu yang membawa kepada kebaikan diri dan masyarakat.

Dalam konteks pasca-SPM, pelajar perlu mengubah paradigma mereka. Mereka perlu memahami bahawa kejayaan sebenar bukan diukur dengan gred semata-mata, tetapi sejauh mana ilmu itu membentuk peribadi, akhlak dan sumbangan kepada ummah.

Lebih membimbangkan, terdapat fenomena pelajar cemerlang yang hilang arah apabila berada di universiti.

Ada yang terjebak dalam masalah sosial, tekanan mental, bahkan ada yang meninggalkan tujuan asal menuntut ilmu, malah lebih cenderung kepada aktiviti lain yang tiada kaitan dengan tuntutan ilmu yang asal.

Ini berlaku kerana mereka tidak dibina dengan kefahaman tujuan hidup yang sebenar.

Al-Quran sudah menjelaskan tujuan hidup manusia dalam **Surah az-Zariyat ayat 56**: "Tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku." Maka, segala usaha termasuk menuntut ilmu mesti berpaksikan kepada ibadah dan pengabdian kepada Allah.

Pandangan ulama muktabar juga menekankan bahawa ilmu mesti diamalkan. Imam Malik pernah berkata: "Ilmu itu bukan dengan banyaknya riwayat, tetapi cahaya yang Allah campakkan ke dalam hati." Ini bermaksud ilmu yang sebenar ialah yang memberi kesan kepada jiwa dan tindakan.

Dalam era teknologi dan media sosial, cabaran menjadi lebih kompleks. Pelajar mudah terpengaruh dengan budaya



AL-HAQ

Sehari sepotong ayat

"Engkaulah (wahai Tuhan) yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang, dan Engkaulah yang memasukkan waktu siang ke dalam waktu malam. Engkaulah juga yang mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan Engkaulah yang mengeluarkan benda yang mati dari sesuatu yang hidup. Engkau jualah yang memberi rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dengan tiada hitungan hisabnya."

(Surah al-Imraan, ayat 27)

Kejayaan sebenar bukan terletak pada keputusan peperiksaan, tetapi pada kemampuan mengaplikasikan ilmu dengan berpandukan al-Quran dan sunah serta menyumbang kepada kesejahteraan ummah

hiburan, gaya hidup bebas dan tekanan untuk 'nampak berjaya' di mata orang lain.

Justeru, mereka perlu dibimbing untuk kembali kepada sumber yang sahih – al-Quran, sunah dan pandangan ulama yang muktabar.

Institusi keluarga dan pendidikan juga memainkan peranan penting. Ibu bapa tidak boleh hanya berbangga dengan keputusan SPM anak, tetapi perlu memastikan mereka mempunyai asas agama yang kukuh, kekuatan emosi dan tujuan hidup yang jelas.

Kesimpulannya, pasca keputusan SPM adalah titik permulaan kepada ujian sebenar dalam kehidupan seorang penuntut ilmu.

Kejayaan sebenar bukan terletak pada keputusan peperiksaan, tetapi pada kemampuan mengaplikasikan ilmu dengan berpandukan al-Quran dan sunah serta menyumbang kepada kesejahteraan ummah.

Semoga generasi muda hari ini tidak hanya menjadi 'produk peperiksaan yang rigid', tetapi menjadi insan berilmu, beradab dan berjiwa besar yang mampu menghadapi cabaran zaman dengan hikmah dan keimanan.

Kerana akhirnya, ilmu yang benar ialah yang membawa kita lebih dekat kepada Allah SWT dan memberikan manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

Penulis Prof Madya Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)